



KONSEP KEWARGANEGARAAN MENURUT PIAGAM MADINAH: SUATU SOROTAN AWAL

[THE CONCEPT OF CITIZENSHIP ACCORDING TO THE CONSTITUTION OF MADINAH: AN INITIAL HIGHLIGHT]

AHMAD IQBAL MOHD FADZLI^{1*}
WAN MOHD YUSOF WAN CHIK²
AHMAD FAIZOL ISMAIL¹
MOHD SUFIAN MOKTAR¹
AHMAD AMIRUL ZULKIFLI¹
ZULKIFLI MOHD¹

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

²Institut Produk Ketamadunan Melayu (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Corresponding Author: iqbalfadzli.edu@gmail.com

Received Date: 10 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

Abstrak

Kewarganegaraan merupakan satu cabang ilmu kenegaraan. Begitupun keprihatinan dan penghayatan terhadapnya dilihat semakin menguncup pada era globalisasi dan ledakan informasi. Fenomena global ini turut dirasakan di Malaysia dengan isu-isu seperti penghinaan terhadap institusi beraja dan jata negara, kibaran bendera secara terbalik, memburukkan imej negara serta perbalahan perkauman yang tidak berkesudahan. Ini merupakan gambaran terhadap hilangnya semangat kewarganegaraan yang sihat. Sebenarnya, konsep kewarganegaraan bukanlah suatu yang asing dalam Islam. Hal ini dapat difahami dari pelbagai sumber termasuklah Piagam Madinah yang merupakan kerangka berfikir seluruh masyarakatnya. Justeru, makalah ini bertujuan mengetengahkan konsep kewarganegaraan menurut Piagam Madinah yang sewajarnya dijadikan panduan dalam kehidupan bermasyarakat. Kajian berbentuk kualitatif ini merujuk kepada bahan-bahan kepustakaan demi melakukan analisis mencakupi deduktif dan historikal. Kajian mendapati, Piagam Madinah mengetengahkan konsep kewarganegaraan yang unik, komprehensif dan realistik dengan suasana kemajmukan masyarakat. Masyarakat Madinah yang diberi kewarganegaraan secara undang-undang berjanji taat setia untuk mempertahankan piagam, malah mempunyai jati diri dan semangat patriotik yang kukuh berteraskan konsep ummah wahidah. Sebarang perlanggaran piagam akan dihukum, ditarik penyertaan dari perjanjian serta diusir dari negara. Jika elemen ini dapat dicerap dan difahami oleh masyarakat majmuk seperti di Malaysia, maka isu-isu pengabaian moral warganegara dapat ditegah dan dibendung.

Kata Kunci: Kewarganegaraan, Kemajmukan, Perpaduan, Piagam Madinah, Malaysia.

Abstract

Citizenship is one of the crucial branch of statehood knowledge. Abominably, the concern and appreciation for it is seen to be shrinking in this era of globalization and information dissemination. This global phenomenon is also felt in modern Malaysia. Issues such as contempt for constitutional monarchy and the national coat of arms, intentionally waving the flag upside down, aggravating the country's image and endless racial strife are a reflection of the loss of honor sense on citizenship spirit. In fact, the concept of citizenship is not something new in Islam. This can be understood from various sources including the Constitution of Madinah which was the thinking framework for its entire society. Hence, this paper aim is to highlight the concept of citizenship according to Constitution of Madinah, which is important as a guidance for social interaction. This qualitative study highlights the literature materials to carry out deductive and historical analysis. The study found that, the Constitution of Madinah highlights an unique, comprehensive and realistic concept of citizenship with the existing atmosphere of pluralistic society. People of Madinah were given citizenship by law, thus pledge their loyalty to defend the charter with strong sense of national identity and blessed with patriotic spirit based on the concept of ummah wahidah. Any violation to the charter will be punished, withdrawn from the agreement and expelled from the country. If this element can be observed and understood by a multiracial country like Malaysia, then the issues of moral neglect as a citizen can be prevented and curbed.

Keywords: Citizenship, Multiracial, Unity, Constitution of Madinah, Malaysia.

Cite as: Ahmad Iqbal Mohd Fadzli, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Ahmad Faizol Ismail, Mohd Sufian Moktar, Ahmad Amirul Zulkifli & Zulkifli Mohd. 2022. Konsep Kewarganegaraan Menurut Piagam Madinah: Suatu Sorotan Awal [The Concept of Citizenship According to The Constitution of Madinah: An Initial Highlight]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 207-220.

PENDAHULUAN

Setiap negara moden mempunyai undang-undang tubuh yang khusus, ataupun disebut sebagai perlembagaan. Melalui kerangka perlembagaan, struktur pemerintahan negara dapat dibentuk bagi memastikan urusan-tadbir sesebuah kerajaan dikendalikan secara sistematik. Perlembagaan berperanan sebagai satu suratan, atau suratcara yang mengandungi segala undang-undang tertinggi yang difikirkan mandatori bagi mewujudkan sebuah negara yang moden (Tun Salleh Abbas, 1987). Hakikatnya, sejarah kewujudan perlembagaan ini sebenarnya sudah direkodkan sejak zaman Rasulullah S.A.W di Madinah.

Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis pertama bagi sebuah negara yang diisytiharkan di dunia (Hamidullah, 1975). Perlembagaan bertulis ini merupakan satu perundangan rasmi terbentuk setelah Rasulullah S.A.W berhijrah ke Madinah. Piagam ini secara amnya mengandungi 46 fasal, dirangka sebagai manual perhubungan di antara masyarakat Islam dan juga bukan Islam. Ia digubal demi mencapai perpaduan dan kesejahteraan setempat. Baginda S.A.W membahagikan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Piagam Madinah kepada dua bahagian. Seksyen pertama mengandungi 23 fasal berkisar hak dan tanggungjawab orang Islam terutamanya golongan Muhajirin dan Ansar. Seksyen kedua terdiri daripada 23 fasal yang merupakan peruntukan khas terhadap golongan Yahudi mengenai

hak dan tanggungjawab sebagai warganegara Madinah. Rasulullah S.A.W merupakan pemimpin yang diiktiraf, berperanan sebagai ketua hakim dengan bertindak menafsir, membimbing dan melaksanakan syariat Islam (al-Qardawi, 2010). Pemberian kewarganegaraan Madinah melibatkan golongan Muslimin (Muhajirin dan Ansar), Aus dan Khazraj serta orang-orang Yahudi seperti Bani Qaynuqā', Bani Qurayzah dan Bani Naḍīr yang terdapat dalam perjanjian (al-Qardawi, 2010).

Hakikat menguruskan kemajmukan manusia ini sebenarnya merupakan sunnatullah sebagaimana firman-Nya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)” (al-Qur’ān, al-Hujurat: 13). Konsep kewarganegaraan yang ditonjolkan melalui Piagam Madinah merupakan panduan dan remedi bagi menyatukan masyarakat berbilang kaum. Oleh itu, makalah ini bertujuan menyorot semula konsep kewarganegaraan menurut Piagam Madinah secara terperinci.

SOROTAN LITERATUR

Penulisan Terawal

Penulisan terawal berkenaan Piagam Madinah dapat dipastikan daripada rujukan pensejarahan, Sirah al-Nabawiyah oleh Ibn Ishaq (1971) dan Ibn Hisham (2004). Biarpun tidak dapat diperincikan tarikh sebenar piagam dirasmikan, umum mengetahui piagam ini mula tersebar dan diamalkan ketika peringkat awal pendudukan Baginda S.A.W di Madinah. Konsep ummah yang satu (أمة واحدة) merupakan simbolik perjanjian antara Muslimin yang berhijrah bersama penduduk Yathrib (Abu 'Ubayd al-Qasim, t.t). Al-Mubarakfuri (2007), menyifatkan perjanjian ini sebagai taat setia (ميثاق تحلف) yang perlu diperakui setiap pihak bagi membentuk masyarakat yang baharu.

Kajian terperinci mengenai perlembagaan Islam dipelopori oleh Hamidullah (1941). Piagam Madinah merupakan sebuah perlembagaan yang mendasari kehidupan heterogenik di negara Islam Madinah. Struktur piagam ini diasingkan kepada dua bahagian dan diperakui kedaulatannya oleh masyarakat Madinah. Ia merangkumi pengiktirafan kewarganegaraan, kuasa prerogatif, hak asasi masyarakat dan tanggungjawab warganegara. Piagam ini juga dianggap sebagai perjanjian persefahaman antara seluruh masyarakat di Madinah. Ia merangkumi polisi pentadbiran dan keselamatan awam.

Sebagaimana pengkaji piagam Madinah yang lain, Michael Lecker (2004) turut menyifatkan piagam ini mendahului Magna Carta. Terdapat beberapa klausa khusus seperti fasal melibatkan insurans sosial (bayaran wang *diyāt* dan tebusan). Piagam Madinah juga meniadakan kewarganegaraan berdasarkan identiti tempat kelahiran, bahasa, bangsa dan warna kulit. Biarpun Hamidullah menganggap piagam ini sebagai sebuah perlembagaan bertulis yang rasmi, Michael Lecker lebih berpendapat bahawa piagam ini merupakan perjanjian merentasi pelbagai kaum (عهد الأمة).

Naluri Patriotisme

Al-Qardawi dalam *al-Watan wa al-Muwatanah fi Daw'i al-Usul al-'Aqidah wa al-Maqasid al-Shari'ah* (2010) dan *Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islam: Makanatuha, Ma'alimuha, Tabi'atuha Mawqifuha Min al-Dimuqratiyyah wa al-Ta'addudiyyah wa al-Mar'ah wa Ghayr al-Muslimin* (2008) merungkaikan kepentingan Piagam Madinah dari sudut nilai patriotisme, tujuan serta hikmah kemunculan piagam ini. Naluri kesetiaan dan kecintaan terhadap negara sememangnya suatu norma kebiasaan manusia yang terikat hatinya terhadap tanah air kelahiran.

Semangat patriotik dan kecintaan kepada negara merupakan jati diri yang ingin dibawa oleh Rasulullah S.A.W. Tiada satupun warganegara berhak untuk memberikan perlindungan malah bekerjasama dengan kaum Quraysh di Mekah (Zakaria Bashier, 1998). Melalui piagam Madinah, semangat jahiliyah (perkauman) tertutup. Warga Madinah perlu bersolidariti dalam menentang Musyrikin Quraysh di Mekah. Jati diri kenegaraan yang unik ini mendasari politik dalaman negara seterusnya melahirkan warga dan negara Madinah yang aman dan harmoni tanpa sentimen perkauman (Ahmad Nasir et al., 2021).

Pembentukan Ummah

Corak pemerintahan yang diperkenalkan Baginda S.A.W tidak terhad kepada penduduk Muslim sahaja, bahkan meliputi dua ummah, dua agama dalam serumpun siyash yang satu (al-Qardawi, 2010). Islam membuktikan tiadanya amalan pengkastaan dalam masyarakat (Abdul Jalil, 2013). Hal ini bertepatan dengan kehendak Allah S.W.T agar manusia dibentuk menjadi sebuah ummah sahaja, sebagaimana firman-Nya: “Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Ia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan” (al-Qur'an. Hud: 118).

Kandungan Piagam Madinah digubal atas dasar menghormati pegangan agama, kehidupan saling melengkapi, serta kebersamaan dalam mempertahankan tanah air. Menurut Fauzi Hamat (2002), dasar akidah merupakan unsur utama penggerak kepada pencetus, pemberangsangan serta menjalankan seluruh keupayaan mental dan fizikal manusia ke arah kemenjadian dan ketaatan seluruh perintah Allah S.W.T dalam kehidupannya. Oleh itu, akidah menjadi asas penting dalam pembinaan negara yang sejahtera. Sementelahan, asas pembentukan ummah berteraskan akidah dalam Piagam Madinah seperti yang didefinisikan oleh al-Qardawi (2010) ialah ukhuwah atau persaudaraan agama.

Struktur Piagam Madinah sarat dengan elemen pembinaan ummah, kontrak sosial antara golongan Islam dan bukan Islam serta jaminan hak kebebasan beragama dalam Piagam Madinah (Kamal Azmi 2017; Ahmad Iqbal 2020). Penyatuan penduduk berbilang kaum berkonsepkan masyarakat ummah wahidah merupakan indikator khusus dalam pembinaan sebuah negara bangsa yang harmoni dan sejahtera. Rangkuman aspek agama, politik, ekonomi, perundangan, sosial, pertahanan termasuklah jaminan keselamatan dalam Piagam Madinah merupakan dasar yang perlu dikaji dan diimplementasi dalam sesebuah negara majmuk (Mohd Nazmi et al., 2020).

Fiqh Kenegaraan Islam

Dasar Islam yang diperkenalkan melalui piagam Madinah membuka interpretasi luas dengan kekayaan penerapan nilai-nilai kewarganegaraan merentasi perkauman. Fiqh dawlah atau kenegaraan penting bagi memahami aspek-aspek urus tadbir sesebuah negara. Piagam Madinah meninggalkan legasi acuan kenegaraan yang berimpak sehingga tersebar pengaruhnya ke seluruh dunia (Che Harun Kamariah, 2017).

Sebagai contoh, peranan konsep ta'ayush (multikulturalisme) adalah suatu corak pemerintahan Islam terpenting sehingga mempengaruhi sistem pemerintahan yang diamalkan di dua empayar Islam terkemudian. Antaranya ialah sistem Syahbandar-Kapitan Cina di Kesultanan Melaka dan sistem Millet di bawah empayar Uthmaniyah. Buktinya penguasa Islam dapat bertolak ansur dengan masyarakat bukan Islam, malah memberikan kuasa autonomi terhadap golongan ini untuk menguruskan undang-undang agama mereka sendiri (Asilatul Hanaa & Fauziah Fathil, 2021). Nilai kewujudan bersama (ta'ayush) memberi isyarat keamanan melalui jaminan keselamatan kepada warganya, kebebasan beragama dan keadilan antara kaum (Ibrahim Zein & Ahmed El-Wakil, 2020).

Konsep kewarganegaraan merupakan suatu cabang korpus keilmuan yang wajar untuk diperhalusi. Ia terkandung dalam ilmu politik kenegaraan Islam yang mengandungi perbincangan tentang keamanan, kepimpinan, penduduk, status asal sesebuah wilayah dan pelaksanaan undang-undang Islam (Wan Mohd Yusof et al., 2018). Maka, sewajarnya umat Islam menekuni intipati piagam Madinah, supaya dapat meneruskan penambahbaikan terhadap jati diri malah sebagai aplikasi polisi pentadbiran bernegara yang heterogenik.

PERBINCANGAN

Untuk memudahkan perbincangan, penulisan ini akan melihat dari 5 skop utama seperti berikut:

Fasal di dalam Piagam Madinah

Terdapat perbezaan dalam kalangan pengkaji terhadap jumlah fasal. Menurut Ibn Ishaq (2004), Piagam Madinah berjumlah 64 fasal. Beliau memecahkannya satu per satu. Hamidullah (1941) pula membahagikannya kepada 47 fasal. Manakala Abu 'Ubayd (1976) dan al-Qardawi (2010) pula meletakkannya dalam 46 fasal utama. Perbezaan berlaku kerana kecenderungan dalam menggabungkan atau mengasingkan antara elemen-elemen tersebut. Kajian ini akan berasaskan pembahagian al-Qardawi (2010) yang meletakkan 46 fasal kesemuanya.

Amnya, Piagam Madinah dibahagikan kepada dua bahagian. 23 fasal yang awal memfokuskan isu pengukuhan hubungan dalam kalangan Muslimin yang terdiri daripada Muhajirin dan Ansar. Manakala 24 fasal selebihnya menyatakan isu interaksi bernegara yang melibatkan seluruh entiti negara Madinah yang terdiri dari kaum Muslimin, Yahudi dan penduduk Madinah asal yang masih belum beriman (Hamidullah, 1941). Rangka piagam bertulis ini digubal sebagai manual sistem pemerintahan Baginda S.A.W (al-Qardawi, 2010). Ia merangkap polisi perpaduan masyarakat Madinah yang sememangnya bersifat majmuk (multikultural, multiagama dan multi-etnik). Hal ini penting memandangkan situasi

kemajmukan masyarakat amat terdedah kepada perpecahan jika tidak diletakkan suatu garis panduan berkaitan hak dan tanggungjawab setiap entiti yang ada.

Pemberian Kewarganegaraan

Secara dasar, kewarganegaraan adalah diberikan kepada setiap warga masyarakat Madinah. Bagi mendapatkan hak ini, masyarakat Madinah perlu memperakui butiran perincian piagam ini. Butirannya adalah seperti berikut:

Fasal	Perkara
1	Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Ini adalah perjanjian daripada Muhammad, Nabi utusan Allah antara Mukminin dan Muslimin Quraisy dan penduduk Yathrib serta sesiapa yang mengikuti, menyertai dan berjuang bersama mereka
25	Bahawa kaum Yahudi dan Bani 'Auf adalah satu ummah bersama orang-orang mukmin, bagi kaum Yahudi agama mereka, bagi kaum Muslimin agama mereka. Juga (kebebasan ini) bagi sekutu-sekutu mereka dan diri mereka sendiri. Kecuali sesiapa yang zalim & berbuat dosa maka hal itu tidak akan membinasakan melainkan dirinya & keluarganya
26-30	Sesungguhnya orang Yahudi Bani al-Najjar, Bani al-Harith, Bani al-Sa'idah, Bani Jusham, Bani al-Aus, diperlakukan seperti mana Yahudi Bani 'Auf
31	Sesungguhnya orang Yahudi Bani Tha'labah diperlakukan sepertimana Yahudi Bani 'Auf. Kecuali siapa yang menzalimi & melakukan dosa, maka sesungguhnya tidak dibinasakan kecuali dirinya dan keluarganya
32	Sesungguhnya Suku Jafnah, dari keturunan Tha'labah diperlakukan seperti mana mereka (Tha'labah)
33	Bani Shutaibah diperlakukan seperti mana Yahudi Bani 'Auf. Sesungguhnya kebaikan (setia) itu lain daripada kejahatan (khianat)
34	Sesungguhnya sekutu Tha'labah sama seperti mereka (Tha'labah)
35	Sesungguhnya keturunan Yahudi sama seperti mereka (Yahudi)
36	Sesungguhnya tiada seorang pun yang menyertai Piagam ini boleh menarik diri keluar dari pakatan mereka melainkan dengan persetujuan dari Nabi Muhammad S.A.W
43	Sesungguhnya jika warga piagam ini menimbulkan perselisihan dan pertengkaran yang dikhuatiri menimbulkan bahaya, maka hendaklah dirujuk kepada Allah, Nabi Muhammad S.A.W. Sesungguhnya Allah S.W.T paling memelihara dan memandang baik isi piagam ini.

Jadual 1: Kewarganegaraan Madinah

Madinah, sebelum kedatangan Nabi Muhammad S.A.W, merupakan sebuah negara anarkis. Masyarakatnya berpuak-puak dan sering berperang (Hamidullah, 1941). Baginda S.A.W menyatukan seluruh masyarakat di Madinah dengan meraikan hak kebebasan beragama serta menolak kezaliman yang berlaku tanpa mengira kaum. Ini dapat dilihat dalam fasal-fasal berikut:

Fasal 1 piagam pada dasarnya, menetapkan punca kuasa utama pemerintahan. Setiap entiti masyarakat Madinah perlu mematuhi dan bekerjasama di bawah pemerintahan Baginda S.A.W. Fasal 1 yang bermula "*Dengan Nama Allah*" mengisytiharkan kepada kepimpinan berpaksikan tauhid dengan menjadikan Islam sebagai ideologi negara. Selain itu, terdapat juga elemen taat setia kepada Baginda S.A.W sebagai pemerintah dalam meneruskan legasi perjanjian 'Aqabah. Penerimaan Baginda S.A.W secara luhur telah dijadikan syarat asas kesepakatan dan kewarganegaraan.

Fasal 25-35 pula menekankan aspek saling penerimaan antara entiti masyarakat yang ada di Madinah yang amnya diwakili oleh Muslimin Quraisy (Muhajirin), Muslimin Yathrib (Ansar), kaum Yahudi dan lain-lain warga yang mempunyai pertalian atau sekutu mereka. Setiap pihak yang termaktub dalam perjanjian ini merupakan warganegara Madinah. Mudah-mudahan ia merupakan aspek pengiktirafan antara satu sama lain sebagai warga Madinah yang satu.

Manakala fasal 36 pula menegaskan bahawa kewarganegaraan adalah sebuah komitmen berterusan dan bukannya sementara. Maka mereka tidak boleh menarik diri tanpa persetujuan Baginda S.A.W. Syarat penting yang termaktub dalam fasal 36 bermaksud warganegara Madinah tidak sepatutnya berkomitmen dengan mana-mana kuasa luar atau mendapat kewarganegaraan lain. Ini menolak kemungkinan konsep dwikerakyatan iaitu kewarganegaraan melebihi satu negara dalam masa yang sama. Ini merupakan strategi piagam yang mampu menutup sebarang konflik kesetiaan yang membuka ruang kepada elemen pengkhianatan kepada negara, khususnya bersama Musyrikin Quraysh di Mekah.

Fasal 43 meletakkan Baginda S.A.W sebagai ketua negara yang perlu dirujuk oleh masyarakat Madinah jika terdapat sebarang persengketaan atau ketidaksefahaman. Mereka tidak boleh sewenang-wenangnya membelakangi keputusan Baginda S.A.W yang bukan sahaja merupakan punca kuasa perundangan (legislatif), malah sebagai ketua badan eksekutif dan ketua badan kehakiman (judisiari) di negara Madinah. Kelebihan-kelebihan ini tidak boleh disangkal adalah khas kepada Nabi Muhammad S.A.W atas sifat kerasulan yang hanya meletakkan Allah S.W.T sebagai autoriti tertinggi. Tugas Baginda S.A.W sebagai Rasul yang diutuskan kepada manusia, melaksanakan apa yang diperintah oleh-Nya (Hamidullah, 1941). Kesatuan kuasa ini adalah terbatas kepada Baginda S.A.W.

Akur Janji dan Tanggungjawab Warganegara

Sebagai balasan kepada hak kewarganegaraan, setiap individu dan kelompok perlu bertanggungjawab untuk akur kepada butiran piagam yang menuntut kesetiaan warganya dalam bentuk tindakan mempertahankan negara dari sebarang bentuk ancaman dalam dan luar. Secara amnya fasal 3 hingga ke fasal 23 lebih berfokus menyenaraikan komponen umat Islam serta melibatkan perkiraan etnik-etnik Arab yang dikira bersekutu dengan mereka. Fasal 24 hingga ke fasal 35 adalah berfokus kepada kaum Yahudi dan sekutu mereka. Seterusnya fasal 36 hingga ke 43 menekankan aspek komitmen masing-masing terhadap piagam, rakan piagam,

Madinah sebagai “watan” serta rujukan tatkala berlaku pertelingkahan. Manakala fasal 44 adalah lebih berfokus kepada tanggungjawab pertahanan dan polisi luar negara Madinah. Akhirnya piagam menegaskan aspek kebertanggungjawaban sebagai warganegara dan akibat pengkhianatan terhadap perjanjian, negara dan warganya. Berikut adalah petikan daripada sebahagian dari teks tersebut.

Fasal	Perkara
13	Bahawa orang-orang beriman lagi bertaqwa hendaklah menentang sesiapa yang membuat kesalahan melanggar kesusilaan, melakukan kezaliman atau dosa atau perseteruan atau kerosakan di kalangan orang-orang beriman, dan mereka hendaklah bersatu bersama-sama menentang orang tersebut walaupun jika orang itu anak kepada salah seorang dari mereka
14	Tidak sepatutnya seseorang mukmin itu membunuh seorang mukmin lain kerana seorang kafir, tidak sepatutnya ia menolong mana-mana kafir terhadap seseorang mukmin
18	Sesungguhnya setiap yang pergi berperang, melindungi sesama mereka.
20	Bahawa orang-orang mukmin lagi bertaqwa hendaklah teguh di atas sebaik-baik petunjuk dan seteguh-teguhnyanya. Bahawa tidak boleh mana-mana orang Musyrik melindungi harta orang-orang Quraisy dan tidak juga nyawa mereka dan tidak boleh menghalang orang mukmin (menuntut haknya).
22	Bahawa tidak harus bagi mana-mana orang mukmin yang mengakui isi kandungan piagam ini, dan percaya Allah dan Hari Akhirat, menolong ataupun melindungi mana-mana orang yang mencabuli (perjanjian). Barangsiapa menolong orang itu, maka keatasnya laknat Allah dan kemurkaan-Nya pada hari Kiamat kelak, dan tidak akan diterima darinya sebarang tebusan dan tidak juga sebarang taubat.
44	Bahawa hendaklah warga piagam ini bantu-membantu mempertahankan kota Yathrib daripada mana-mana pihak yang mencerobohnya.
44(1)	Bahawa hendaklah warga piagam ini diajak berdamai dan mereka (pihak lawan) memenuhi perdamaian serta melaksanakan perdamaian itu. Maka perdamaian itu mestilah dipatuhi. Sebaliknya jika mereka (pihak lawan) diajak berdamai seperti itu (oleh warga piagam), kaum mukminin wajib memenuhi dan melaksanakan perdamaian itu kepada mereka (pihak lawan), kecuali terhadap orang yang menyerang agama.
44(2)	Setiap orang wajib melaksanakan (kewajiban) masing-masing (seperti yang sudah disepakati) sebelum ini

-
- 46 Sesungguhnya piagam ini tidak membela orang zalim dan khianat. Orang yang keluar (menarik diri), aman. Orang berada di Madinah, aman. Kecuali orang yang zalim dan khianat. Allah adalah penjamin orang yang berbuat baik dan taqwa, dan Muhammad itu Pesuruh Allah.
-

Jadual 2: Akur Janji Warga Madinah

Fasal 13 dan 14 memastikan Madinah adalah negara yang aman dari ancaman dalam dan luar. Setiap warganegara perlu bertanggungjawab memastikan suasana aman dapat dikecapi bersama berteraskan prinsip kesaksamaan dan keadilan. Setiap warga perlu proaktif menolak segala bentuk kerosakan dan perbalahan yang merugikan. Elemen khianat dan zalim perlu dicegah dalam mewujudkan sebuah negara yang stabil. Oleh itu, fasal 18 dengan jelas menuntut warga Madinah untuk terlibat tanpa berkecuali dalam menghadapi ancaman luar dan dalam apatah lagi melibatkan peperangan. Ketetapan ini menutup kemungkinan masyarakat Madinah untuk mengkhianati sesama sendiri.

Seterusnya, fasal 20 dan 22 merupakan prinsip larangan mencabuli perjanjian dengan mengadakan sebarang pakatan bersama pihak musuh. Ini mengatasi semangat kepuakan yang berakar dalam masyarakat, serta memberi kelebihan kepada golongan minoriti Muslim. Bahkan, seluruh warga Madinah perlu mempertahankan negara dari sebarang pencerobohan, samada dari musuh pihak Islam mahupun pihak Yahudi (fasal 44). Maka, warga Madinah perlu akur dengan ketetapan ini bagi meneruskan kehidupan dengan aman, seterusnya menjauhkan mereka segala ancaman bahaya.

Seperkara lagi yang perlu diperhatikan dalam fasal 44(1&2) menekankan aspek tanggungjawab mematuhi butiran perjanjian perdamaian (*peace treaty*). Masyarakat Yahudi, sebagaimana masyarakat Islam perlu menghormati kandungan piagam. Semua pihak perlu akur dengan akibat pengkhianatan terhadap piagam dan kezaliman yang dilakukan. Perdamaian adalah suatu asas yang dituntut sekaligus menjadi kekuatan pasif bagi mengelakkan gugatan mahupun pengkhianatan dari dalam mahupun luar negara.

Jati Diri Ummah Wahidah

Dalam masa yang sama piagam ini amat memberi perhatian terhadap idealisme pembinaan negara bangsa atau nation state melalui konsep yang disebut ummah wahidah. Ia adalah berkait dengan idea keperibadian atau jati diri masyarakatnya yang diutarakan dalam al-Qur'an, melalui beberapa pengistilahan mudah seperti ummah, 'ashirah dan sha'b (Muhammad Latif Fauzi, 2005). Piagam Madinah tidak ketinggalan dalam mengetengahkan aspek jati diri yang perlu difahami oleh warganegara demi membina negara bangsa.

Fasal	Perkara
2	Mereka adalah umat yang satu, yang berbeza dengan umat yang lain.

13	Bahawa orang-orang beriman lagi bertaqwa hendaklah menentang sesiapa yang membuat kesalahan melanggar kesusilaan, melakukan kezaliman atau dosa atau perseteruan atau kerosakan di kalangan orang-orang beriman, dan mereka hendaklah bersatu bersama-sama menentang orang tersebut walaupun jika orang itu anak kepada salah seorang dari mereka.
15	Jaminan Allah satu. Jaminan (perlindungan diberikan oleh mereka yang dekat. Sesungguhnya mukminin itu saling membantu, tidak tergantung pada golongan yang lain.
16	Bahawa orang-orang Yahudi yang menyertai kita (warga piagam) bagi mereka pertolongan dan panutan, tanpa dizalimi dan tidak boleh ada pakatan tidak baik terhadap mereka.
17	Perdamaian mukminin adalah satu. Seorang mukmin tidak boleh membuat perdamaian dengan mana-mana mukmin tanpa disertai oleh mukmin yang lain dalam suatu peperangan di jalan Allah, kecuali atas dasar kesamaan dan keadilan di antara mereka.
18	Sesungguhnya setiap yang pergi berperang, melindungi sesama mereka.
19	Bahawa orang mukmin hendaklah saling membela sesama mereka atas setiap darah yang tumpah pada jalan Allah.
20	Bahawa orang-orang mukmin lagi bertaqwa hendaklah teguh di atas sebaik-baik petunjuk dan seteguh-teguhnyanya. Bahawa tidak boleh mana-mana orang Musyrik melindungi harta orang-orang Quraisy dan tidak juga nyawa mereka dan tidak boleh menghalang orang mukmin (menuntut haknya).

Jadual 3: Jati Diri Warga Madinah

Konsep ummah wahidah yang ditekankan dalam fasal 2 merupakan jati diri yang ditanamkan kepada warga Madinah. Semangat ini juga boleh dikaitkan sebagai nasionalisme. Masyarakat Madinah merupakan satu entiti yang berbeza dengan yang lain. Gagasan ummah wahidah mampu menghalang perpecahan lantas melahirkan masyarakat heterogenik yang harmoni. Fasal 13 dan 20 merupakan ikrar taat setia dengan tali persaudaraan yang dibina serta ikhlas melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Mereka bukan sahaja perlu menentang sebarang bentuk kejahatan sosial dan konspirasi menjatuhkan warga piagam. Malah, hak prerogatif muslim dihormati seperti tuntutan hak dan menyertai setiap peperangan bersama. Ia menandakan ketersediaan masyarakat dalam mematuhi perjanjian serta tidak menghalang hak masing-masing seperti diputuskan melalui piagam.

Setiap warganegara Madinah mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan tanah air mereka. Bahkan apabila berlakunya peperangan, pasukan-pasukan tentera akan direhatkan secara bergilir-gilir supaya tidak diturunkan secara kerap ke medan perang (Hamidullah, 1941). Dengan ini, masyarakat Madinah menikmati keadilan dan keseramataan. Hakikat keadilan ini membuahkan hasil yang positif kerana setiap dari mereka tidak terus dibebani dengan tugas-

tugas yang berat (fasal 17 & 18). Semangat patriotisme tidak kekeringan kerana mampu ditonjolkan oleh masyarakat piagam apabila dididik untuk tidak berpecah belah, melaksanakan tanggungjawab terhadap diri mahupun perjuangan demi negara.

Persoalan berkaitan keamanan dan peperangan telah dianggap sebagai komitmen bersama melalui fasal 15-19. Tiada mana-mana individu yang terkecuali daripada perjanjian ini. Malah, tidak boleh hanya sebahagian masyarakat menikmati keamanan atau menghadapi peperangan. Hal ini juga bermaksud perkhidmatan ketenteraan menjadi suatu kewajiban kepada setiap warganegara yang mampu mengambil bahagian di dalamnya. Jaminan perlindungan adalah terakru terhadap setiap lapisan masyarakat. Malah perjanjian keamanan oleh mana-mana pihak akan dihormati bersama. Fasal 20 menekankan warganegaranya agar tidak bersekongkol dengan pihak Quraisy, malah tidak mempertahankan mereka dalam apa jua cara.

Tuntasnya, jati diri ummah wahidah yang dapat dicerap dalam Piagam Madinah merupakan suatu usaha yang realistik dan wajar dihayati bersama. Piagam ini meletakkan kepentingan negara yang lebih besar mengatasi individu atau minoriti masyarakat. Pemusatan kuasa diperlukan supaya kestabilan negara tidak mudah digoyahkan. Ia menjamin kepentingan masyarakat untuk hidup secara aman dan damai. Jati diri warganegara perlu diperkukuh secara berterusan supaya masyarakat memahami tanggungjawab dipikul bersama, tanpa menafikan prerogatif atau hak-hak istimewa yang diberikan khusus terhadap mana-mana ahli piagam.

Kehilangan Hak Kewarganegaraan

Terdapat juga beberapa insiden penting melibatkan pelanggaran perjanjian piagam. Konflik yang dicetuskan oleh Yahudi Bani Qaynuqā' merupakan pelanggaran terawal piagam Madinah. Insiden pertama merupakan gangguan yang dicetuskan oleh seorang penjual barang kemas berbangsa Yahudi terhadap seorang wanita Muslim. Wanita Muslim tersebut diganggu sehingga terdedah auratnya di khalayak ramai, lantas menjerit meminta pertolongan. Jeritan tersebut disahut oleh seorang Muslim lalu membunuh warga Yahudi tersebut. Lantaran itu, warga Muslim tersebut juga akhirnya dibunuh masyarakat Yahudi. Apabila tibanya Rasulullah S.A.W ke tempat kejadian, Baginda memberi amaran kepada kaum Yahudi Bani Qaynuqā' ini untuk tidak melakukannya lagi pada masa hadapan. Apa yang berlaku adalah kaum Yahudi Bani Qaynuqā' ini mendabik dada dan mengugut Baginda S.A.W. Lantas Rasulullah S.A.W membuat keputusan penarikan Yahudi Bani Qaynuqā' dari perjanjian piagam Madinah (Zakaria Bashier, 1998).

Insiden kedua pula melibatkan pengkhianatan yang dilakukan oleh Yahudi Bani Naḍīr. Mereka berkonspirasi untuk membunuh Rasulullah S.A.W. Ini berlaku ketika ziarah Baginda S.A.W untuk membayar pampasan (wang *diyāt*) atas pembunuhan seorang Muslim terhadap dua warga Bani Amir (yang merupakan sekutu Bani Nadir). Apabila Baginda S.A.W mengetahui konspirasi pembunuhan ini melalui perkhidmatan Jibril A.S, maka Baginda mengumumkan penarikan Yahudi Bani Naḍīr dari perjanjian, malah mereka diusir untuk keluar dari negara Madinah.

Manakala insiden ketiga pula merupakan penderhakaan yang dilakukan oleh Bani Qurayzah. Gugatan "musuh dalam selimut" ini hampir mengancam keselamatan warga Madinah. Yahudi Bani Qurayzah telah berpakat untuk bekerjasama dengan pihak musuh iaitu Quraysh Mekah dan Ghatfan ketika peperangan Khandaq. Mereka akhirnya ditangkap dan

dikepung ketika persediaan untuk menyerang umat Islam di kawasan pintu dan perparitan Madinah. Setelah ditangkap, Baginda S.A.W telah menghukum mereka atas penderhakaan yang dilakukan (Zakaria Bashier, 1998).

Melalui insiden-insiden diatas dapat dilihat keputusan Baginda S.A.W menghukum, menarik kewarganegaraan serta mengusir mana-mana warganegara yang bertindak mengkhianati isi perjanjian piagam. Sebarang kekerasan dan kebiadaban warganegara perlu dibawa ke muka pengadilan, seterusnya dan diberi tindakan supaya mengelakkan perkara seperti ini berulang kembali. Ini berpandukan dengan fasal berikut:

Fasal	Perkara
12	Bahawa orang-orang beriman lagi bertaqwa hendaklah menentang sesiapa yang membuat kesalahan melanggar kesusilaan, melakukan kezaliman atau dosa atau perseteruan atau kerosakan di kalangan orang-orang beriman.
36	Sesungguhnya tiada seorang pun yang menyertai Piagam ini boleh menarik diri keluar dari pakatan mereka melainkan dengan persetujuan dari Nabi Muhammad S.A.W.

Jadual 4: Asas Kehilangan Hak Kewarganegaraan

Oleh itu, pihak pemerintah seharusnya tegas dalam menjalankan hukuman terhadap perilaku yang melanggar perjanjian atau undang-undang negara. Hukuman yang dijalankan mestilah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Ketegasan dalam menjalankan hukuman sekurangnya memberi gambaran dan didikan kepada masyarakat, seterusnya mengurangkan kadar jenayah menggugat keselamatan awam.

KESIMPULAN

Piagam Madinah sebagai sebuah perlembagaan bertulis lengkap yang terawal wujud dalam sejarah politik dunia bukan sahaja berjaya menjadi “rukun” kewujudan entiti sebuah negara bangsa, bahkan ia turut menggariskan rukun “fikrah” kewarganegaraan yang patut diterapkan dalam pembinaan warganegara yang berkualiti, berjati diri dan patriotik. Justeru ia sewajarnya dijadikan panduan am dalam meneliti kriteria dan kualiti warganegara yang ideal.

Konsep kewarganegaraan seharusnya menjadi elemen penting dalam menjamin kedaulatan negara serta keabsahan hak dan tanggungjawab setiap warganegara, sama ada pemimpin mahupun rakyat. Piagam Madinah melalui fasal-fasalnya jelas menekankan penghayatan seseorang warganegara terhadap asas-asas bernegara meliputi aspek sudut pandang kenegaraan, penyatuan masyarakat, tanggungjawab, jaminan hak asasi serta keluhuran undang-undang dalam usaha melestarikan kestabilan dan keamanan. Perlanggaran terhadap setiap perjanjian yang dipersetujui adalah dikira pengkhianatan yang mewajarkan pihak pemerintah bertindak demi mengelakkan sebarang gugatan terhadap kedaulatan, keamanan dan kesejahteraan negara.

Justeru, setiap warganegara perlu mengelakkan sebarang elemen pengkhianatan yang boleh menggugat kestabilan dan keamanan negara. Hal ini jika difahami, dapat digunakan

dalam mendepani sebarang gugatan terhadap elemen yang termaktub dalam perlembagaan sesebuah negara moden termasuklah negara Malaysia. Penghayatan terhadap konsep kenegaraan bukanlah sesuatu yang baru dalam konteks peradaban Islam dalam bernegara. Lebih-lebih lagi dalam usaha status Malaysia sebagai sebuah negara Islam kontemporari.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Borhan. 2013. Konsep Siyasah Syar'iyah dan Pelaksanaannya dalam Konteks Malaysia. Pahang: Universiti Malaysia Pahang. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siyasah Syar'iyah Dalam Konteks Masa Kini: Isu Dan Cabaran*. Kolej Universiti Islam Melaka.
- Abu 'Ubayd al-Qasim Sallam. 1976. *Kitab al-Amwal*. Cairo: t.pt.
- Ahmad Iqbal Mohd Fadzli. 2020. *Konsep Kewarganegaraan Antara Piagam Madinah dan Perlembagaan Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah). Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Nik Rosniwati Ismail, Mohd Taufik Ayup & Mohd Shafiqul Islam. 2021. Piagam Madinah dalam Pembentukan Peradaban Multietnik Pasca Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(8): 269 - 280.
- Al-Mubarakfuri, S. R. 2007. *Al-Rahiq al-Makhtum*. Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Al-Qardawi, Yusuf. 2008. *Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islam: Makanatuha, Ma'alimuha, Tabi'atuha Mawqifuha min al-Dimuqratiyyah wa al-Ta'addudiyyah wa al-Mar'ah wa Ghayr al-Muslimin*. Qahirah: Dar Al-Shuruq.
- Al-Qardawi, Yusuf. 2010. *Al-Watan wa al-Muwatanah fi Daw' al-Usul al-'Aqidah wa al-Maqasid al-Shar'iyyah*. Mesir: Dar al-Shuruq.
- Asilatul Hanaa Abdullah, Fauziah Fathil. 2021. The Concept of Al-Ta'ayush in Islamic Cosmopolitanism: From Medina to Istanbul and Malacca. *ISLAMIYYAT* 43(1): 163 – 171.
- Che Harun Kamariah Abdullah. 2017. Acuan Fiqh Daulah Yang Sengaja Dilupakan. Terengganu: *Prosiding International Conference of Empowering Islamic Civilization*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Encyclopedia Britannica. Politics & Political Systems. Rujuk laman sesawang: <https://www.britannica.com/topic/citizenship> . Diakses pada 7 Disember 2021.
- Fauzi Hamat. 2002. Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini. Kuala Lumpur: *Jurnal Usuluddin* 16: 13–34.
- Hamidullah Mohd. 1987. *Majmu'ah al-Wasa'iq al-Siyasiyyah li 'Ahdi al-Nabawi wa al-Khilafah al-Rashidah*. Bayrut: Dar al-Nafa'is.
- Ibn Hisham, 'Abd al-Malik. 1971. *Al-Sirah al-Nabawiyyah*. Beirut: t.pt.
- Ibn Ishaq, Muhammad. 2004. *Al-Sirah al-Nabawiyyah*. t.pt.: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibrahim Zein, & Ahmed El-Wakil. 2020. Remembering The Covenants Of The Prophet Muhammad: Shared Historical Memory Of Good Governance And Peaceful Co-

- Existence. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 25(2): 219–262.
- Kamal Azmi. 2017. Piagam Madinah Dalam Penulisan Ahmad Ibrahim (1916-1999). Bangi: *Prosiding Peridangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2017 (PAnTUMN2017)*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, hal. 2-11.
- Magna Carta. Britannica. charter | document | Britannica. Diakses pada 26 Oktober 2022.
- Michael Lecker. 2004. *The Constitution of Medina: Muhammad's First Legal Document*. Princeton, New Jersey: The Darwin Press, Inc.
- Mohd Nazmi Mohd Khalli, Suraya Sintang & Syamsul Azizul Marinsah. 2020. Rahmatan Lil ‘Alamin: Kerangka Konsep Keharmonian Di Malaysia. *Jurnal Sains Insani* 5: 33-40.
- Muhammad Hamidullah. 1941. *The First Written Constitution of The World. An Important Document of The Prophet S.A.W Time*. First Published in 1941.
- Muhammad Hamidullah. 1975. *The First Written Constitution In The World: An Important Document of the Time of the Holy Prophet*. Lahore: 7-Aibak Road (New Anarkali).
- Muhammad Latif Fauzi. 2005. Konsep Negara Dalam Perspektif Piagam Madinah Dan Piagam Jakarta. *Al-Mawarid* Edisi XIII: 85-101.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka (PRPM). Rujuk makna (Piagam) pada laman sesawang : <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=piagam&d=175768&> . Diakses pada 25 Jun 2020.
- Tun Mohd Salleh Abas. 1987. *Sejarah Perlembagaan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik, Mohamad Zaidin Mohamad, Mohd Sufian Moktar, Abdul Karim Ali, Azizan Baharuddin. 2018. Kupasan Historik Status Malaysia sebagai Negara Islam. *Jurnal Islamiyyat* 40(1): 43-50.
- Zakaria Bashir. 2008. *Sunshine at Madinah*. Leicester, UK: The Islamic Foundation.